



[PEERS AS COACHES: THE EFFECT OF PEER SUPPORT ON THE MOTIVATION OF NEW CONVERTS EDUCATION]

RAKAN SEBAYA SEBAGAI PEMBIMBING: KESAN SOKONGAN RAKAN DALAM MOTIVASI PENDIDIKAN SAUDARA BARU

MOHD AFANDI MAT RANI¹
SHAHRUL DEEN AHMAD ROSLI¹
AMIRATUL MUNIRAH YAHYA¹
SITI AFIFAH MAT RANI¹

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam,
40450, Selangor, Malaysia

*Corresponding Author: mohdafandi@uitm.edu.my

Received Date: 15 May 2021 • Accepted Date: 15 June 2021

Abstract

The Mualafs or also referred to as new brothers or sisters are those who are in dire need of guidance and instruction in an organized and strategic manner so that their understanding of Islam can be improved. In empowering the education of converts, peers as coach are very important to provide high motivation and encouragement. In addition, it can provide moral support through social networking activities. The objective of this study is to find out the extent to which the role of peers as coach in enhancing understanding and helping each other. Next, this study aims to see the effect of peer support in increasing motivation among converts in the classroom. This study uses an exploratory quantitative research design through a structural equation modeling (SEM) approach. A total of 250 questionnaires were distributed containing 244 questionnaires. The findings of this study show that the learning module and the sharing of classmates or 'buddy' can have an impact on the motivation of convert students to continue their learning activities and development in the basic sciences of Muslim. As for the dimension of the classroom environment, it is found to have no significant influence on student motivation directly, but it leads to a 'buddy' partnership that allows it to be a mediator to the students motivation with overall mediation. This study proposes further research in looking at whether the factors of efficient learning and learning attributes impact Muslim values that can be applied, with a more comprehensive methodology.

Keywords: Motivation, peer support, modules, converts, learning.

Abstrak

Golongan Mualaf atau disebut juga sebagai saudara baru atau saudara kita adalah mereka yang sangat memerlukan kepada bimbingan dan tunjuk ajar secara tersusun dan berstrategik agar kefahaman mereka berkaitan agama Islam dapat ditingkatkan. Dalam memperkasa pendidikan mualaf, rakan sebaya sebagai *coaching* sangat penting untuk memberi motivasi dan dorongan

semangat yang tinggi. Selain itu ia dapat membina sokongan moral melalui aktiviti jaringan sosial. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui sejauhmanakah peranan rakan sebaya sebagai *coaching* dalam meningkatkan kefahaman dan membantu antara satu sama lain. Seterusnya kajian ini bertujuan melihat kesan sokongan rakan sebaya dalam meningkatkan motivasi di kalangan muallaf dalam kelas pengajian. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kuantitatif penerokaan melalui pendekatan model persamaan struktur atau *structural equation modelling* (SEM). Sebanyak 250 borang soal selidik diedarkan dengan 244 borang soal selidik dapat digunakan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa modul pembelajaran dan perkongsian pasangan rakan sekelas atau '*buddy*' dapat memberi impak terhadap motivasi pelajar muallaf untuk meneruskan aktiviti dan perkembangan pembelajaran mereka dalam ilmu-ilmu asas muslim. Manakala bagi dimensi persekitaran kelas, ia didapati tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap motivasi pelajar secara langsung, namun ia membawa ke arah perkongsian '*buddy*' yang membolehkannya menjadi mediator kepada motivasi pelajar tersebut dengan pengantaraan keseluruhan. Kajian ini mencadangkan kajian seterusnya di dalam melihat apakah faktor pembelajaran efisien dan atribut pembelajaran berimpak nilai-nilai muslim yang dapat diterapkan, dengan metodologi yang lebih menyeluruh.

Kata kunci: Motivasi, sokongan rakan, modul, muallaf, pembelajaran.

Cite as: Mohd Afandi Mat Rani, Shahrul Deen Ahmad Rosli, Amiratul Munirah Yahya & Siti Afifah Mat Rani. 2021. [Peers as Coaches: The Effect of Peer Support on The Motivation of New Converts Education] Rakan Sebaya Sebagai Pembimbing: Kesan Sokongan Rakan dalam Motivasi Pendidikan Saudara Baru. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(2): 85-99.

PENDAHULUAN

Keberkesanan berkaitan pengaruh rakan sebaya sebagai *coaching* dalam pendidikan saudara baru adalah sangat penting untuk dilakukan kajian. Ini kerana hampir keseluruhan institusi pendidikan yang ditawarkan kepada saudara baru menghadapi situasi yang sama. Sebagai rakan sebaya mereka mampu berperanan sebagai pendidik, pemimpin atau pembimbing. Rakan sebaya juga boleh mengambil peranan sebagai mentor yang dapat membantu psikologi pelajar melalui bimbingan kaunseling (Safura Ahmad Sabri, 2016). Dalam hal ini tidak dinafikan rakan sebaya memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk sahsiah dan kecemerlangan pendidikan saudara baru. Justeru, program mentoring di kalangan rakan sebaya adalah salah satu platform dalam pembinaan karakter dalam pendidikan muallaf yang bukan hanya di kalangan para guru atau pembimbing sahaja, tetapi rakan sebaya juga boleh mengambil peranan ini. Rakan sebaya yang mahir dan mempunyai pengalaman dan kompetensi diberi peluang menjalankan program mentoring supaya dapat membimbing serta meningkatkan kualiti saudara baru yang lain.

Antara faktor penting keperluan kepada sokongan rakan sebaya sebagai *coaching* adalah kerana terdapat di kalangan saudara baru yang mempunyai latar belakang pendidikan yang sangat rendah. Mereka tidak mampu untuk membaca dan menulis. Tahap pendidikan yang rendah menyukarkan lagi usaha untuk membangunkan pendidikan dan menambah baik pengetahuan agama Islam di kalangan mereka. Latar belakang pendidikan, tahap umur serta etnik yang berbeza menyumbang kepada faktor kelemahan penguasaan ilmu di dalam kelas

pengajian. Bahasa penyampaian juga menjadi penghalang kepada mereka untuk lebih cepat memahami setiap mata pelajaran yang diajar. Keadaan ini menimbulkan kesulitan kepada tenaga pengajar yang menggunakan medium Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pembelajaran dan pendidikan. Penguasaan bahasa merupakan aspek yang penting dalam meningkatkan kefahaman pelajar mualaf. Pusat pendidikan saudara baru adalah terdiri daripada pelbagai bangsa dan etnik yang berbeza. Aspek bahasa merupakan suatu masalah dalam kalangan saudara baru terutama di kalangan etnik bukan Melayu. Berdasarkan kepada beberapa faktor halangan ini, keperluan kepada sokongan rakan sebaya sangat penting sebagai *coaching* dalam meningkatkan motivasi pendidikan di kalangan saudara baru.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kuantitatif penerokaan melalui pendekatan model persamaan struktur atau *structural equation modelling* (SEM). Ia memperoleh data dengan persampelan bertujuan langsung. Jenis persampelan ini digunakan secara ideal untuk mengenal pasti fenomena yang berlaku dalam sekumpulan orang dengan ciri yang sama yang diperlukan oleh sudy (Etikan & Babatope, 2019), yang merupakan peserta kelas pendidikan balik di Kuala Lumpur sahaja. Kaedah meneroka faktor ini dibuat melalui data regresi linear berganda. Data yang diperlukan untuk kajian dikumpulkan dari senarai pelajar yang mengikuti pengajian di Pusat Pendidikan Mualaf Lembaga Zakat Selangor (LZS). Soal selidik yang dirancang telah diedarkan ke seluruh populasi sasaran daripada ($n = 280$) responden melalui pentadbiran sendiri. Permintaan borang e-mel dan google rasmi diteruskan untuk mendapatkan salinan set data untuk membuat bingkai sampel. Sebanyak 250 borang soal selidik diedarkan dengan 244 borang soal selidik dapat digunakan. Oleh itu, kadar tindak balas adalah 87% dan dianggap sebagai tindak balas yang tinggi untuk jenis penyelidikan penyelidikan.

Kajian ini akan dilakukan dengan statistik deskriptif dengan regresi berganda, melalui pendekatan pemodelan persamaan struktur separa persegi (PLS-SEM). Kajian deskriptif dapat menjelaskan dan menggambarkan sesuatu atau situasi pada satu masa dan membantu menyelesaikan masalah melalui pendekatan "sebab dan akibat" (Chen, 1990; Taylor, 2000). Manakala Kaedah PLS-SEM membolehkan penyelidik mengkaji secara serentak model komprehensif dalam satu set konstruk yang mewakili keseluruhan item kajian, yang diwakili oleh beberapa pemboleh ubah. Keupayaan SEM untuk menguji hubungan yang disatukan secara serentak ke dalam model bersepadu telah menyumbang kepada penerapan yang meluas. Kaedah pengumpulan data dibuat melalui soal selidik dengan soalan tertutup skala Likert lima mata. Jenis soalan ini mudah dianalisis dan menyenangkan bagi responden untuk memberikan jawapan kerana mereka hanya diminta memilih salah satu daripada beberapa jawapan yang diberikan. Soal selidik-jenis penyelidikan adalah bentuk penyelidikan yang popular digunakan di kalangan penyelidik kerana soal selidik dapat merangkumi pelbagai bidang dan dapat dirancang dengan mudah. Melalui soal selidik maklumat yang berkaitan dengan responden dapat dirahsiakan.

SOROTAN LITERATUR

Sokongan Rakan Sebaya Melalui Jaringan Sosial

Sokongan rakan sebaya atau sekelas sangat membantu dalam meningkatkan pembelajaran. Menurut kajian yang dibuat oleh Nikita Margaret John (2018) dari Universiti Manchester menyatakan bahawa para pelajar mendapat sokongan rakan sebaya dan motivasi diri dari rangkaian sosial sama ada secara pertemuan bersemuka atau melalui atas talian di media sosial. Dalam sistem pendidikan mualaf, kaedah ini juga memberi kesan terhadap saudara baru (mualaf) bagi membina sokongan moral dan motivasi diri melalui aktiviti jaringan sosial. Para pelajar memerlukan sokongan yang kuat bagi mengurangkan kemurungan dan tidak merasai diri bersendirian tanpa dokongan pihak lain. Kaedah ini menjadi keperluan terutamanya bagi pelajar yang tinggal berjauhan dengan keluarga. Sokongan rakan sebaya berfungsi cuba memahami dan mengambil berat keadaan pelajar secara empati dari sudut emosi dan fizikal. Ia menawarkan aktiviti-aktiviti yang menarik seperti perkongsian pengalaman, menghulurkan bantuan, membina kepercayaan serta menjalin hubungan persahabatan yang erat dalam kalangan rakan sebaya agar berupaya menghadapi cabaran kehidupan, membentuk persekitaran yang positif, melahirkan tingkahlaku yang baik dan akhirnya boleh mengurangkan tekanan emosi. Situasi ini juga dihadapi oleh saudara baru (mualaf), mereka berhadapan dengan cabaran getir dan tekanan yang kuat dari keluarga dan persekitaran. Maka sokongan rakan sebaya dan motivasi seumpama ini boleh membantu mengurangkan tekanan saudara baru (mualaf) seterusnya boleh meningkatkan prestasi pencapaian pembelajaran agama Islam mereka. Terdapat pelbagai kaedah sokongan rakan sebaya yang dijalankan antaranya kaedah mentor mentee yang memberikan tumpuan terhadap setiap individu dalam kumpulan tersebut dan perkongsian program berbentuk umum (Nikita Margaret John & Oliver Page, 2018).

Sokongan Rakan Sebaya Melalui Institusi Pengajian

Menurut penyelidikan Justin W. Vollet, Thomas Kindermann (2020) dari Universiti Portland State menjelaskan bahawa pembinaan sokongan rakan sebaya secara berkumpulan berupaya memberikan sumbangan terhadap pelajar dari sudut interaksi komunikasi. Aktiviti perkongsian pengalaman dilakukan oleh pelajar senior di institusi pengajian tersebut, mengemukakan masalah dan cabaran yang dihadapi bahkan ia mendapat respon yang menggalakkan dari para pelajar. Perbincangan dalam bentuk latihan dalam kumpulan (LDK) berskala kecil memberikan peluang kepada para pelajar untuk menunjukkan minat dan komitmen yang lebih tinggi terhadap aktiviti yang dijalankan. Pelajar senior menjadi role model yang terbaik dan mereka lebih memahami situasi yang dihadapi oleh para pelajar kerana mempunyai latar belakang yang sama. Keadaan ini juga berlaku pada saudara baru (mualaf) yang memerlukan panduan dan nasihat dari mukallaf yang berpengalaman, ia berupaya mengekalkan semangat dan memberikan aura positif terhadap saudara baru (mualaf). Interaksi komunikasi antara senior dan junior dilihat tiada perbezaan jurang yang ketara dan mewujudkan keadaan yang lebih selesa bagi mencapai komunikasi yang efektif. Dalam sesi tersebut, para pelajar akan berkongsi kesukaran dan kelemahan yang dihadapi contohnya masalah dalam pelajaran. Mereka cuba menyertai secara aktif dalam perbincangan dan mempelajari kesilapan yang telah dilakukan sama ada dari sudut emosi dan tingkahlaku. Justeru pelajar yang bermotivasi tinggi akan

menunjukkan tindak balas yang gembira, emosi lebih stabil, lebih bersedia untuk belajar dan lebih bersungguh-sungguh melakukan sesuatu perkara. Keadaan ini menunjukkan objektif aktiviti sokongan rakan sebaya yang dilakukan adalah berjaya. (Justin W. Vollet & Thomas Kindermann, 2020)

Keberkesanan Pembelajaran Berkumpulan (Study Group)

Keberkesanan pembelajaran berkumpulan di kalangan rakan sebaya sangat membantu di dalam peningkatan prestasi dari sudut kepimpinan dan pentadbiran di sekolah. Menurut kajian kuantitatif Suhaili Jaya (2019) yang berpandukan 226 orang responden pemimpin sekolah di Negeri Sarawak menunjukkan peranan bimbingan rakan sebaya adalah amat penting dalam peningkatan prestasi dari sudut kepimpinan dan pentadbiran di sekolah. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti kesan antara bimbingan rakan peningkatan sekolah rendah terhadap kemahiran, pentadbiran, kemahiran konseptual dan kepemimpinan. Menurut kajian ini, terdapat tiga elemen utama yang menjadi kunci kejayaan iaitu penguasaan ilmu pengetahuan, memiliki kemahiran tertentu dan bersikap positif. Justeru kompetensi bimbingan rakan sebaya perlu menunjukkan kesan yang signifikan yang berterusan agar berupaya membangunkan aspek kepimpinan yang selari dengan saranan Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan kompetensi kepimpinan pelajar. Aspek ini turut menjadi keperluan bagi saudara baru (mualaf) untuk meningkatkan pembangunan sendiri dan membina keyakinan dari sudut kemahiran kepimpinan yang akan melahirkan daie dan mampu memimpin orang lain.

Dari aspek pembelajaran, kajian kualitatif Hazlin Haris dan Khairul Farhah Khairuddin (2021) pula mengemukakan kesan pedagogi terhadap perkembangan sosial pelajar berkeperluan khas dalam masalah pembelajaran. Kajian menunjukkan terdapat pelbagai pendekatan pembelajaran secara aktif, *non-directive teaching model* dan kaedah penceritaan. Justeru, penyerapan sokongan rakan sebaya secara berkumpulan dalam salah satu teknik tersebut dapat membantu pembelajaran sendiri secara efektif agar pelajar lebih kreatif dan kritis dari aspek pemikiran. Kajian Norul Haida Reduan (2012) yang melibatkan 70 orang responden pelajar menunjukkan bahawa pembelajaran secara koperatif adalah kaedah pengajaran yang efisien kepada kecemerlangan akademik pelajar. Berdasarkan analisis dapat dilihat bahawa pelajar majoriti bersetuju pembelajaran secara berkumpulan dapat membantu meningkatkan pembelajaran pelajar. Kaedah ini juga boleh diaplikasikan dalam pembelajaran saudara baru (mualaf) dan meningkatkan prestasi pembelajaran dalam kelas. Jyothi Thalluri (2014) mengemukakan “*Study Buddy Support (SBS)*” berupaya meningkatkan kadar lulus dalam kalangan pelajar. Kajian kuantitatif yang dijalankan terhadap pelajar kejururawatan tahun satu menunjukkan bahawa program pembelajaran secara berkumpulan memberi kesan yang positif terhadap pencapaian pelajar dan mendorong interaksi komunikasi dalam pembelajaran, menjalin hubungan rangkaian yang lebih luas dan meningkatkan keyakinan yang baik antara pelajar.

Ghazali (2012), turut menjelaskan bahawa para pelajar mudah untuk mengingat dan tidak bosan ketika sesi pembelajaran berlangsung secara berkumpulan kerana wujud interaksi komunikasi secara dua hala dan lebih produktif. Justeru, pendidikan di kalangan saudara baru secara berkumpulan melalui rakan sebaya akan meningkatkan keupayaan saudara baru (mualaf)


terutama dalam pendidikan di kalangan saudara baru yang mempunyai pelbagai peringkat umur, bahasa dan budaya yang berbeza, malah tahap ilmu pengetahuan juga berbeza. Mereka dapat saling membantu antara satu sama lain melalui modul yang ditetapkan oleh institusi masing-masing.

Pengaruh Rakan Sebaya Dalam Pendidikan

Menurut kajian Arif Triman dan Ruslin bin Amir (2014) menghuraikan beberapa faktor yang mempengaruhi prestasi akademik pelajar antaranya personaliti, gaya pengajaran guru, rakan sebaya dan keadaan persekitaran. Para pelajar berusaha mencari faktor kelemahan dan mereka cuba memperbaiki kekurangan dan masalah yang dihadapi terutamanya berkaitan akademik. Berdasarkan sorotan literatur menunjukkan faktor persekitaran dan faktor pengajaran antara yang dominan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Penyelidikan yang dijalankan oleh Hanita Mohd Yusoff dan Norzaini Azman (2018) pula menjelaskan bahawa sokongan guru, rakan sebaya dan ibu bapa amat penting dalam pembelajaran pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa pengaruh rakan sebaya adalah agensi sosialisasi yang penting terutamanya di peringkat remaja dan merupakan pendorong yang membantu kepada keterlibatan pelajar meningkatkan pencapaian akademik di sekolah. Implikasi kajian ini juga memberi input terhadap keberkesanan pendidikan mualaf kerana peranan sokongan guru, rakan sebaya dan ibubapa sewajarnya membina keyakinan mualaf dalam mendepani cabaran kehidupan dan menghayati ajaran Islam. Kajian ini juga memberi input yang penting kepada pihak berkepentingan, iaitu Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) khususnya untuk mengambil tindakan terhadap keberkesanan pendidikan pelajar (Hanita Mohd Yusoff, 2018).

Kajian yang telah dijalankan oleh Nor Wahida Binti Dzalihi 'zzabir (2017) yang bertajuk Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Amalan Akidah Dalam Kalangan Pelajar Politeknik bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan amalan akidah kalangan pelajar. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan reka bentuk tinjauan melibatkan 297 orang pelajar daripada politeknik zon tengah. Instrumen yang digunakan adalah set soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengaruh rakan sebaya terhadap amalan akidah pelajar adalah ditahap yang memberangsangkan. Hal ini dibuktikan melalui dapatan kajian bahawa tahap pengaruh rakan sebaya memainkan peranan utama bagi pelajar politeknik. Pengkaji juga mencadangkan agar pengawasan dan pemantauan dilaksanakan oleh pihak berwajib terhadap gaya amalan akidah pelajar dari semasa ke semasa.

KERANGKA TEORI KAJIAN



Graf 1.0: kerangka teori kajian

- H1: Modul dalam Kelas mempunyai hubungan yang signifikan terhadap motivasi pelajar dalam sesi pendidikan mualaf.
- H2: Sokongan rakan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap motivasi pelajar dalam sesi pendidikan mualaf.
- H3: Persekitaran kelas mempunyai hubungan yang signifikan terhadap motivasi pelajar dalam sesi pendidikan mualaf.
- H4.1: Sokongan rakan sekelas '*Buddy*' adalah pengantara modul kelas yang signifikan terhadap motivasi pelajar
- H4.2: Sokongan rakan sekelas '*Buddy*' adalah pengantara persekitaran kelas yang signifikan terhadap motivasi pelajar

KEPUTUSAN ANALISIS

Kajian ini menggunakan pendekatan PLS-SEM (Hair et al., 2011, 2014) dengan pendekatan analisis penerokaan, dengan menggunakan perisian Smart-PLS versi 3.2.0. PLS dapat mengubah model kompleks dengan pelbagai pemboleh ubah terpendam dan nyata tanpa masalah-masalah anggaran pemberat dan ujian normaliti yang perlu dibuat terlebih dahulu pada CB-SEM (Hair et al., 2011; Sarstedt et al., 2014). Oleh itu pemodelan jalan PLS dianggap bermanfaat secara metodologi berbanding dengan teknik pemodelan lain (Astrachan et al. 2014). Analisis model PLS-SEM terdiri daripada dua peringkat: anggaran model pengukuran dan pengujian model struktur. Untuk mengkaji secara empirik kerangka teori yang dikenal pasti dalam graf 1.0, PLS-SEM digunakan untuk menilai model pengukuran dan struktur untuk model pengukuran reflektif. Dalam PLS-SEM, kesahan konstruk dijalankan dalam menunjukkan pengukuran yang mencukupi dan dapat mewakili untuk semua konstruk (Bandalos, 2018; Hair et al., 2017).

Model pengukuran konstruk PLS-SEM

Kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur dinilai dengan menggunakan pekali alpha Cronbach (α), kebolehpercayaan komposit (CR), dan varian purata yang diekstraksi (AVE) (Jadual 1.0). Nilai alpha Cronbach untuk setiap pemboleh ubah berada di antara julat 0.737, 0.761, 0.825 dan 1.0 masing-masing. Nilai-nilai ini melebihi kriteria minimum 0.7, seperti yang disarankan oleh Lance et al. (2006). Kebolehpercayaan komposit untuk pemboleh ubah adalah 0.835, 0.864, dan 0.884 yang lebih besar daripada titik minima 0.6 seperti yang disarankan oleh Hair et al., (2010). Selanjutnya, varian purata yang diekstrak (AVE) untuk pemboleh ubah berada pada lingkungan nilai; 0.560, 0.579, dan 0.656 yang lebih besar daripada titik minimum 0.5 (Fornell & Larcker, 1981, Hair et al., 2019). Analisis kebolehpercayaan menunjukkan kesemua

nilai item adalah setara dengan nilai minimum yang diperlukan untuk mewakili jujukan setiap konstruk, yang mencerminkan konsistensi yang tinggi dan kebolehpercayaan konvergen yang kukuh bagi setiap item dalam model luaran. Dengan kesahan yang mencukupi pada alpha, kebolehpercayaan komposit dan AVE Cronbach, kajian ini dapat diteruskan dengan analisis pekali untuk melihat tahap kepentingan setiap konstruk, seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.0:

Jadual 1.0: Kesahan konvergen

	Cronbach's Alpha	Composite Reliability	Average Variance Extracted (AVE)
Perkongsian 'buddy'	0.737	0.835	0.560
Persekitaran pembelajaran	0.761	0.846	0.579
Modul	0.825	0.884	0.656
SM	1.000	1.000	1.000

Kesahan diskriminan

Fornell dan Larcker (1981) mencadangkan bahawa setiap konstruk mesti digabungkan dengan korelasi antara konstruk kuadratik dengan ukuran varian konstruk yang sama dan semua konstruk diukur secara reflektif dalam satu model struktur. Nilai variasi untuk semua konstruk model tidak boleh lebih besar daripada AVE mereka, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.2 dan 1.3 di bawah:

Jadual 1.2: Fornell-Larcker Criterion

	Perkongsian 'buddy'	Persekitaran pembelajaran	Modul	SM
Perkongsian 'buddy'	0.748			
Persekitaran pembelajaran	0.680	0.761		
Modul	0.715	0.533	0.810	
SM	0.568	0.408	0.638	1.000

Manakala bagi penjadualan muatan silang, setiap item dalam konstruk terpendam adalah mempunyai nilai muatan yang lebih besar berbanding konstruk lain, (Fornell dan Larcker, 1981), seperti dalam jadual 1.3;


Jadual 1.3: Muatan silang

	Perkongsian 'buddy'	Persekitaran pembelajaran	Modul	SM
BS1	0.759	0.417	0.654	0.481
BS2	0.687	0.533	0.426	0.409
BS3	0.795	0.562	0.509	0.377
BS4	0.747	0.530	0.535	0.428

CE1	0.687	0.728	0.530	0.290
CE2	0.458	0.803	0.463	0.345
CE3	0.487	0.819	0.349	0.351
CE4	0.346	0.686	0.193	0.244
Mo2	0.623	0.393	0.833	0.531
Mo3	0.575	0.487	0.809	0.441
Mo4	0.554	0.417	0.801	0.587
SM	0.568	0.408	0.638	1.000
Mo1	0.562	0.436	0.796	0.499

Jadual 1.4: Heterotrait-Monotrait Ratio (HTMT)

	Perkongsian 'buddy'	Persekitaran pembelajaran	Modul
Perkongsian 'buddy'			
Persekitaran pembelajaran	0.871		
Modul	0.911	0.637	
SM	0.661	0.462	0.699



Dari segi kebolehpercayaan, R^2 dapat mengukur varians, yang dijelaskan dalam setiap konstruk endogen (Shmueli dan Koppius, 2011). R^2 juga disebut sebagai kekuatan peramalan dalam sampel (Rigdon, 2012; Henseler et al., 2009; Hair et al., 2011). Dalam statistik, ia dapat menunjukkan peratusan varians dalam pemboleh ubah bersandar yang dijelaskan oleh pemboleh ubah bebas secara kolektif dan mengukur kekuatan hubungan antara pemboleh ubah pada skala 0 - 100% dengan mudah. Menurut Cohen (1992) nilai R^2 .12 ke bawah menunjukkan rendah, antara nilai .13 hingga .25 menunjukkan medium, .26 atau lebih tinggi, dan nilai seterusnya menunjukkan ukuran kesan tinggi.

Nilai R^2 masing-masing 0.635 dan 0.433 untuk perkongsian 'buddy' dan motivasi

pelajar dapat dijelaskan bahawa pengaruh pemboleh ubah bebas terhadap nilai persepsi 0.433 di mana keputusan ini diperolehi, memberikan tafsiran bahawa pemboleh ubah konstruk motivasi pelajar dapat dijelaskan oleh '*buddy*' dan modul pembelajaran sebanyak 43.3%. Sementara selebihnya dijelaskan oleh pemboleh ubah lain di luar yang tidak ditentukan dalam kajian ini. Oleh itu, dengan nilai R^2 yang tinggi, kajian dapat meneruskan analisa pekali, seperti ditunjukkan dalam jadual 2.0 di bawah:

Jadual 1.5: R-Square	
	R Square
Perkongsian '<i>buddy</i>'	0.635
SM	0.433

Berdasarkan jadual 2.0, analisis pekali jalan dibuat pada kedua konstruk '*buddy*', persekitaran kelas dan modul pembelajaran ke arah motivasi pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa hanya dua konstruk yang signifikan mempengaruhi motivasi pelajar dengan nilai masing-masing pada $T = 2.271$ dan 7.614 , yang melebihi had minimum 1.96 (Hair et al., 2019), dan nilai- $P = 0.000$, signifikan dengan kurang daripada maksimum potongan 0.05 . Manakala peramal persekitaran pembelajaran $\rightarrow$ motivasi tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai $T = 0.006$ lebih kurang daripada had minimum 1.96 , serta nilai $P = 0.995$. Oleh itu, perkongsian '*buddy*' dan modul pembelajaran menunjukkan kadar kepentingan terhadap motivasi pelajar yang kuat dengan nilai T yang agak tinggi ($T > 1.96$). Setiap item dalam konstruk yang signifikan juga mempunyai nilai pekali yang agak tinggi. Ini menunjukkan bahawa semua item dalam setiap konstruk memberikan nilai peneguhan kepada konstruk terpendam dalam menjadikannya hubungan yang signifikan, seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1.0:

Jadual 2.0: Pekali laluan					
	Original Sample (O)	Sample Mean (M)	Standard Deviation (STDEV)	T Statistics (O/STDEV)	P Values
Perkongsian '<i>buddy</i>' -> SM	0.230	0.234	0.101	2.271	0.023
Persekitaran pembelajaran-> Perkongsian '<i>buddy</i>'	0.415	0.418	0.055	7.614	0.000
Persekitaran pembelajaran-> SM	0.000	0.000	0.078	0.006	0.995
Modul -> Perkongsian '<i>buddy</i>'	0.494	0.495	0.058	8.503	0.000
Modul -> SM	0.473	0.473	0.098	4.810	0.000

Menerusi jadual 2.0, hasil analisis pekali laluan mendapati kesemua elemen sokongan kelas saudara baru dapat mempengaruhi ke arah motivasi pelajar secara signifikan, melainkan persekitaran pembelajaran yang tidak mempunyai impak berkesan. Namun ia mempunyai kesan terhadap dorongan pelajar ke arah perkongsian '*buddy*' yang seterusnya dapat memberi

sokongan terhadap motivasi saudara baru dengan berkesan. Manakala perkongsian '*buddy*' juga merupakan mediator yang signifikan bagi persekitaran pembelajaran dan modul dengan nilai-P yang signifikan ($P < 0.05$), seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.1 berikut:

Jadual 2.1: Indirect effect coefficients

	Original Sample (O)	Sample Mean (M)	Standard Deviation (STDEV)	T Statistics (O/STDEV)	P Values
Persekitaran pembelajaran- > SM	0.096	0.098	0.044	2.166	0.030
Modul -> SM	0.114	0.116	0.053	2.137	0.033

KESIMPULAN

Fakta yang diketahui umum bahawa pelajar yang bermotivasi secara intrinsik lebih berkemungkinan terlibat dalam aktiviti pembelajaran, dapat berdikari di dalam mencari nilai dan ilmu dalam hidup mereka dan lebih berdaya tahan di dalam cabaran kehidupan mereka. Motivasi dapat mendorong seseorang berhadapan dalam cabaran hidup, namun ramai yang menganggapnya sebagai sesebuah makna yang abstrak dan tidak dapat dipastikan kerana tidak ada satu faktor pun untuk menjelaskan kayu ukur motivasi. Ryan dan Connell (1989) menggariskan kontinum empat langkah motivasi, bermula daripada elemen luaran kepada sebahagian elemen yang dihayati kepada sepenuhnya elemen yang dapat dihayati, kepada elemen yang secara automatiknya dihayati oleh seseorang. Motivasi luaran didorong oleh pengaruh persekitaran, di mana seseorang pelajar merasa terpaksa melakukan sesuatu aktiviti dan tidak akan melakukannya mereka tidak berasa begitu terpaksa. Motivasi dapat didorong oleh rakan sebaya dan pengisian daripada unsur luaran. Dalam kelas saudara baru atau mualaf yang dijalankan dalam subjek kajian ini, mendapati bahawa modul pembelajaran dan perkongsian pasangan rakan sekelas atau '*buddy*' dapat memberi impak terhadap motivasi pelajar mualaf untuk meneruskan aktiviti dan perkembangan pembelajaran mereka dalam ilmu-ilmu asas muslim. Manakala persekitaran kelas didapati tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap motivasi pelajar secara lansung, namun ia membawa ke arah perkongsian '*buddy*' yang membolehkannya menjadi mediator kepada motivasi pelajar tersebut. Kajian ini mencadangkan kajian seterusnya di dalam melihat apakah faktor pembelajaran efisyen dan atribut pembelajaran berimpak nilai-nilai muslim yang dapat diterapkan, dengan metodologi yang lebih menyeluruh.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Hamdan. 2017. Pendekatan dan Pengajaran secara Berkumpulan dalam Program Pemulihan Khas Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (MyLEJ)* 7(1): 66-73.
- Adam, A. M. 2020. Sample size determination in survey research. *Journal of Scientific Research and Reports* 26(5): 90-97.
- Ajzen, I. 2011. The theory of planned behavior: Reactions and reflections. *Psychology and*

- Health* 26(9): 1113-1127.
- Anderson, J. C., & Gerbing, D. W. 1988. Structural equation modeling in practice: A review and recommended two-step approach. *Psychological Bulletin* 103(3): 411-423.
- Arif Triman & Ruslin bin Amir. 2014. Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Gaya Pembelajaran Dalam Meningkatkan Pencapaian Pelajar. *International Seminar on Global Education II*, Vol. 2.
- Arzu Akyuz, G., & Erman Erkan, T. 2010. Supply chain performance measurement: a literature review. *International Journal of Production Research* 48(17): 5137-5155.
- Bartlett, J. E., & II, K. JW, & Higgins, CC. 2001. Organizational research: Determining the appropriate sample size in survey research. *Information technology, learning, and performance journal* 19(1): 43-50.
- Basias, N., & Pollalis, Y. 2018. Quantitative and qualitative research in business & technology: Justifying a suiadual research methodology. *Review of Integrative Business and Economics Research* 7: 91-105.
- Becker, L. A. 2000. Effect size (ES). <http://web.uccs.edu/lbecker/Psy590/es.htm>.
- Birkett MA, Day SJ. 1994. Internal pilot studies for estimating sample size. *Stat Med.* 13(23-24): 2455-2463.
- Browne RH. 1995. On the use of a pilot sample for sample size determination. *Stat Med.* 14(17): 1933–1940.
- Chae, B.K. 2009. Developing key performance indicators for supply chain: an industry perspective. *Supply Chain Management* 14(6): 422-428.
- Cohen J. 1992. A power primer. *Psychol Bull* 112(1):155-159
- D.G. Rees. 1987. *Foundations of Statistics*. t.tp.: CRC Press.
- Dahlan, I. 1993. *Rabbit industry in Malaysia*. Serdang: Faculty of Veterinary Medicine and Animal Science, Universiti Pertanian Malaysia.
- Dalle Zotte, A. 2014. Rabbit farming for meat purposes. *Animal Frontiers* 4(4): 62-67.
- Duarte, P. and Amaro, S. 2018. Methods for modelling reflective-formative second order constructs in PLS: An application to online travel shopping. *Journal of Hospitality and Tourism Technology* 9(3): 295-313.
- Etikan, I., & Babatope, O. 2019. A Basic Approach in Sampling Methodology and Sample Size Calculation. *MedLife Clinics* 1: 1006.
- Farahani, R. Z., Asgari, N., & Davarzani, H. 2009. *Supply chain and logistics in national, international and governmental environment: concepts and models*. Springer Science & Business Media.
- Faul, F., Erdfelder, E., Buchner, A., & Lang, A.-G. 2009. Statistical power analyses using G*Power 3.1: Tests for correlation and regression analyses. *Behavior Research Methods* 41: 1149-1160.
- Faul, F., Erdfelder, E., Lang, A.-G., & Buchner, A. 2007. G*Power 3: A flexible statistical power analysis program for the social, behavioral, and biomedical sciences. *Behavior Research Methods* 39: 175-191.
- Garay-Rondero, C.L., Martinez-Flores, J.L., Smith, N.R., Caballero Morales, S.O. and Aldrette-Malacara, A. 2020. Digital supply chain model in Industry 4.0. *Journal of Manufacturing Technology Management* 31(5): 887-933.

- Gay, L.R. and Diehl, P.L. 1992. *Research Methods for Business and Management*. New York: Mc. Millan Publishing Company.
- Gefen, D., & Straub, D. W. 2005. A practical guide to factorial validity using PLS-Graph: Tutorial and Annotated Example. *Communications of the Association for Information System* 16: 91–109.
- Ghazali Yusli, Nik Mohd Rahimi, Parilah M.Shah, Wan Haslina Wah & Ahmed Thalal Hassan. 2012. Penggunaan Strategi Belajar Bersama Rakan Dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 27: 37-50.
- Gidenne, T. 2019. Rabbit Urban Farming. *Conference: 6th International Conference on Rabbit Production in Tropical ClimateAt: Kuala Lumpur, Malaysia*.
- Gunalan, S., Hassuzana, Y., Azahari, J., & Norhaliza, A. 2017. Rabbit Industry In Selangor State: Review On Production And Challenges.
- Hair Jr, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C., & Sarstedt, M. 2016. *A primer on partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM)*. t.tp.: Sage publications.
- Hair, J. F., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. 2011. PLS-SEM: Indeed a silver bullet. *Journal of Marketing theory and Practice* 19(2): 139-152.
- Hair, J. F., Risher, J. J., Sarstedt, M., & Ringle, C. M. 2019. When to use and how to report the results of PLS-SEM. *European business review* 31(1): 2-24.
- Hasnita Mohd Yusoff dan Norzaini Azman. 2018. Pencapaian Akademik Murid Lelaki Dan Perempuan: Peranan Sokongan Pembelajaran dan Keterlibatan Murid. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 15(2): 257-287.
- Hazlin Haris & Khairul Farhah Khairuddin. 2021. Pelaksanaan Pedagogi Inklusif bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(2): 197-210.
- Henseler, J., Ringle, C.M. & Sarstedt, M. 2015. A new criterion for assessing discriminant validity in variance-based structural equation modeling. *J. of the Acad. Mark. Sci* 43:115–135.
- Hollstein, B., Greshoff, R., Schimank, U. & Weiß, A. 2021. Soziologie - Sociology in the German-Speaking World: Special Issue Soziologische Revue 2020 Berlin. Boston: De Gruyter Oldenbourg.
- Hudson, M., Smart, A., & Bourne, M. 2001. Theory and practice in SME performance measurement systems. *International journal of operations & production management* 21(8): 1096-1115.
- John N, Page O, Martin S, Whittaker P. 2018. Impact of Peer Support on Student Mental Wellbeing : A Systematic Review. *AMEE MedEdPublish* 1-12.
- Justin W. Vollet, Thomas Kindermann. 2020, Promoting Persistence: Peer Group Influences on Students' Re-engagement Following Academic Problems and Setbacks, *International Journal of Behaviour Development* 44(4): 1-33.
- Kemp, M. 2009. *Market consistency: model calibration in imperfect markets*. t.tp.: John Wiley & Sons.
- Kieser, M. & Wassmer, G. 1996. On the use of the upper confidence limit for the variance from a pilot sample for sample size determination. *Biometrical Journal* 38(8): 941–949.

- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement* 30(3): 607-610.
- Lameck, W. U. 2013. Sampling design, validity and reliability in general social survey. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 3(7): 212.
- Mohd Asnorhisham Adam & Abdul Rahim Bin Hamdan. 2017. Pendekatan Pengajaran Secara Berkumpulan Dalam Program Pemulihan Khas Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)* 7(1): 66-73.
- Myerson, P. 2012. *Lean supply chain and logistics management*. New York: McGraw-Hill Education.
- Nardi, P. M. 2018. *Doing survey research: A guide to quantitative methods*. t.tp.: Routledge.
- Nemoto, T., & Beglar, D. 2014. Likert-scale questionnaires. In N. Sonda & A. Krause (Eds.), *JALT2013 Conference Proceedings*. Tokyo: JALT, hal. 1-8.
- Nor Wahida Dzalihi'zzabir. 2017. Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Amalan Akidah Dalam Kalangan Pelajar Politeknik. *Simposium Pendidikan diPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017)*, hal. 268-276.
- Norul Haida Reduzan. 2012. Pembelajaran secara Koperatif dalam Kelas Bahasa Melayu. *Pendeta: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastra Melayu* 3: 52-70.
- Oliver C. Ibe. 2014. *Fundamentals of Applied Probability and Random Processes (Second Edition)*. t.tp.: Academic Press.
- Ramayah, T., Cheah, J., Chuah, F., Ting, H., & Memon, M. A. 2018. *Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM) using SmartPLS 3.0: An Updated and Practical Guide to Statistical Analysis*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Ringle, C., Da Silva, D., & Bido, D. 2014. Structural equation modeling with the SmartPLS. *Brazilian Journal Of Marketing* 13(2): 56-73.
- Roscoe, J.T. 1975. *Fundamental Research Statistics for the Behavioural Sciences*. New York: Holt Rinehart & Winston
- Rutberg, S., & Bouikidis, C. D. 2018. Focusing on the fundamentals: A simplistic differentiation between qualitative and quantitative research. *Nephrology Nursing Journal* 45(2): 209-213.
- Ryan, R. M., & Connell, J. P. 1989. Perceived locus of causality and internalization: examining reasons for acting in two domains. *Journal of personality and social psychology* 57(5): 749.
- Santos, J. R. A. 1999. Cronbach's alpha: A tool for assessing the reliability of scales. *Journal of extension* 37(2): 1-5.
- Sarstedt, M., Ringle, C. M., & Hair, J. F. 2014. PLS-SEM: Looking back and moving forward. *Long Range Planning* 47(3): 131-172.
- Sarstedt, M., Ringle, C. M., Smith, D., Reams, R., & Hair Jr, J. F. 2014. Partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM): A useful tool for family business researchers. *Journal of Family Business Strategy* 5(1): 105-115.
- Sarstedt, Marko & Hwa, Cheah. 2019. Partial least squares structural equation modeling using SmartPLS: a software review. *Journal of Marketing Analytics*.
- Stephen J. Walters, Michael J. Campbell, David Machin. 2010. *Medical statistics: a textbook for the health sciences*. Chicester, UK: John Wiley & Sons Inc.

- Suhaili Jaya, Chua Yan Piaw, Nazeri Mohammad & Hasni Suraini Hassan. 2019. Bimbingan Rakan Peningkatan Sekolah Terhadap Aspek Pentadbiran, Memimpin dan Konseptual Kepimpinan Pemimpin Sekolah di Negeri Sarawak. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan* 32(1): 121-130.
- Taherdoost, H. 2017. Determining sample size; how to calculate survey sample size. *International Journal of Economics and Management Systems* 2: 237-239.
- Thalluri, Jyothi, O'Flaherty, Jackie A., Shepherd, Paul L. 2014. Classmate peer-coaching: "A Study Buddy Support scheme". *Journal of Peer Learning* 7(8): 92-104.
- Wong, Ken. 2019. *Mastering Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM) with SmartPLS in 38 Hours*. t.tp.: t.pt.